

Serumpun Walaupun Berbeza Negara Bangsa

oleh
Azhar Ibrahim Alwee

SETIAP kali kisah orang Melayu di rantau ini dipaparkan, sering ia dikaitkan dengan semangat serumpun.

Induk orang Melayu ialah Asia Tenggara - sempadannya dari Champa di Kemboja dan pesisir Vietnam sehingga seluruh gugusan kepulauan Indonesia.

Namun ada para kaji purba menyatakan tebaran baka Melayu lebih luas lagi - dari Surinam sehingga Hawaii dan Taiwan sehingga Jawa.

Dalam rumpun Melayu, ada kaum Jawa, Sunda, Minang, Riau dan sebagainya. Kita serumpun bukan sekadar adanya pertalian leluhur, warisan budaya dan sejarah.

Selain aspek senasab dari segi kebudayaan dan adat resam, kita serumpun kerana persamaan dari segi kehidupan hari ini dan hari nanti.

Jadi, konsep serumpun tidak dibatasi persamaan yang kita ada pada masa silam saja.

Seawal abad ke-20, dalam suasana menjayakan kemerdekaan, tiga tokoh sudah mengimpikan konsep serumpun sebagai ikatan politik yang dipanggil Melayu Raya. Mereka ialah Mohammad Yamin dari Padang, Ibrahim Haji Yaakub dari Malaya dan Wenceslao Q. Vinzon dari Filipina. Namun gagasan ini tidak kesampaian.

Sejak ada perbalahan antara Malaysia dengan Indonesia, sering konsep 'serumpun' dinilai semula. Ini kerana kedaulatan berdasarkan negara bangsa kian lebih diutamakan.

Oleh itu, serumpun lebih baik kita lihat dari sudut tujuan (destiny) yang sama kita lalui, iaitu cabaran dan peluang yang ada di hadapan kita.

Rasa serumpun bererti kita dapat berpijak di alam setempat yang kita diami ini, sehingga kita mengetahui tradisi kebudayaan jiran tetangga, sebelum kita begitu ghairah untuk mengetahui umat manusia yang mendiami ceruk rantau yang lain.

Rasa serumpun bererti kita melihat bahawa kita ada pertanggungjawaban dan misi untuk menentukan bahawa rantau serumpun yang kita diami ini aman, stabil, sejahtera dan mandiri.

Jadi, bagaimanakah anak Melayu Singapura kenal saudaranya di Malaysia, Indonesia dan Brunei?

Salah satu caranya ialah menerusi kegiatan sastera yang sering dianggap sebagai tali pengikat serumpun.

Ia tidak sekadar berlaku di peringkat universiti dengan pengajian sastera bandingan. Ia boleh dilakukan secara pertemuan sastera serumpun, pembacaan karya dan perkenalan di laman web, khemah sastera dan sebagainya.

Rasa keserumpunan ini boleh ditambah oleh satu lagi dimensi, iaitu sama menghargai budaya cendekia sesama kita.

Intelektual atau cendekiawan tidak hanya golongan akademik saja. Ia boleh melibatkan pencernaan idea antara pelajar, guru, sasterawan sehingga orang biasa.

Masalahnya ialah kita jarang keluar menjenguk apa yang dibicarakan dalam wacana yang berlangsung di negara jiran yang serumpun dengan kita.

Sebaliknya, kita lebih tangkas untuk mengajukan dan menukil idea daripada para pemikir Eropah, Amerika atau Australia.

Lihat saja rujukan bibliografi di kalangan ramai penulis dan sarjana kita. Jarang ada yang menyenarai kupasan yang dilakukan oleh para sarjana tempatan dan negara-negara jiran.

Para siswa, graduan dan sarjana muda kita tidak merasakan aib jika mereka tidak mengetahui para pemikir daripada lingkungan serumpun mereka. Anehnya, mereka berasa malu jika tidak mengetahui para pemikir dari Barat.

Kalaupun mereka tahu, pun ada semacam rasa keberatan untuk menonjolkan para penulis/sarjana tempatan atau serumpun tadi dalam nota kaki atau bibliografi.

Tentulah ini sebahagian daripada ciri minda tertawan (captived minds) yang merupakan sisa kesan penjajahan Barat ke atas rantau ini.

Dari itu, sudah sampai masanya untuk kita memberikan pengiktirafan dan pendedahan kepada budaya cendekiawan rumpun yang terdiri daripada sasterawan sehinggalah ulama.

Dari Indonesia, antara nama cendekiawan rumpun yang boleh dikaji ialah H.O.S. Tjokroaminoto, Haji Agus Salim, Mohamed Natsir, Soetjatmoko, Sutan Takdir Alisjahbana, Nurcholish Madjid, Harun Nasution, Kuntowijoyo, Komarduddin Hidayat dan Tenas Effendy.

Dari Filipina pula Jose Rizal, Claro M. Recto, Renato Constantino, Randolph David, Epifanio San Juan Jr dan Reynaldo C. Ileto.

Dari Malaysia dan Singapura, perlu dikaji antaranya kupasan Munsyi Abdullah, Syed Sheikh Al-Hadi, Za'ba, Keris Mas, Usman Awang, Kassim Ahmad, Syed Hussein Alatas, Syed Naguib Al-Attas, Baha Zain dan Masuri S.N.

Walaupun Eropah pernah dua kali mencetuskan perang dunia (1914-1918 dan 1939-1945), ia mengiktiraf para cendekiawan serumpun seperti dari Italy, Antonio Gramsci; Soren Kierkegaard (Denmark); dan Fyodor Dostoevsky (Russia).

Di sebalik pelbagai bahasa di Eropah, ternyata terdapat semangat menjulang tradisi intelektual satu sama lain.

Sayang sekali rumpun Melayu belum lagi bergerak ke arah itu. Bahkan kita masih bertatih lagi.

Selagi kita terasyik dengan wacana yang terhasil dari luar rantau ini, baik dari Eropah mahupun Asia Barat, selagi itulah kita masih bersikap bergantung pada orang lain.

Sering masalah yang kita hadapi menurut diagnosa (mengenal pasti penyakit) Barat. Padahal, para sarjana setempat lebih sesuai memberikan sumbangan kerana idea mereka terkait dengan keadaan di negara kita sendiri.

Jadi, untuk lebih menghargai keserumpunan dengan lebih berisi, harus kita bermula memperkenalkan budaya dan gelanggang intelektual di negara serumpun masingmasing.

Langkah ini tiada boleh lagi tertangguh.

[Artikel ini telah disiarkan di *Berita Harian*, 8hb November 2007.]